

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING**

**RUJUKAN : 8023**

**SOALAN:**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- a) berapakah jumlah lesen senjata api yang diluluskan oleh Kementerian mengikut kategori masing-masing; dan
- b) berapakah jumlah lesen diberi kepada syarikat keselamatan/ sekuriti dan apakah langkah Kerajaan untuk membanteras penyeludupan senjata api yang berbahaya.

## **JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), sehingga 31 April 2015, sebanyak 83,113 lesen bagi memiliki senjata api telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57,194 adalah senjata jenis *Shotgun*, 3,423 senjata jenis *Rifle*, 4,341 senjata jenis *Revolver*, 13,482 senjata jenis *Pistol* dan lain-lain senjata seperti pistol pelepas, senapang pelali, *stungun*, *speargun*, penembak paku dan sebagainya adalah sebanyak 4,673.**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, sebanyak 13,498 lesen senjata api telah dikeluarkan kepada syarikat kawalan keselamatan setakat 31 April 2015. Bagi membanteras penyeludupan senjata api yang berbahaya, pihak polis telahpun mengambil tindakan tegas di bawah undang-undang sedia ada iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959, Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 melalui Ops Cantas Khas. Di samping itu, pasukan keselamatan telahpun mengetatkan kawalan di semua pintu masuk sah negara dan juga laluan-laluan yang tidak sah di sempadan dengan negara-negara jiran. Selain itu, kawalan ketat juga dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasa di kawasan-kawasan perairan negara dan jaringan kerjasama dalam pertukaran maklumat perisikan telah diadakan dengan negara-negara jiran bagi membanteras aktiviti ini.**